

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Kemalangan Diri Right Cover Plus

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Diri 'Right Cover Plus'. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

### 1. Apakah produk insurans ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans 24 jam seluruh dunia terhadap kematian atau hilang upaya kekal yang disebabkan oleh kejadian malang yang tidak disengajakan, keganasan, secara luaran dan ketara.

Produk ini disediakan untuk Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap Malaysia, Pemegang Permit/Pas Kerja di Malaysia dan/atau pasangan suami/isteri dan/atau anaknya yang sah atau pekerjanya yang menetap secara sah di Malaysia. Jika Pihak Diinsuranskan ialah badan korporat, Pihak Diinsuranskan boleh menamakan pekerjanya sebagai Orang Yang Diinsuranskan.

Had Umur untuk:

- Pihak Diinsuranskan atau pasangan suami/isteri/pekerjanya mestilah berumur enam belas (16) tahun hingga tujuh puluh lima (75) tahun, dan boleh diperbaharui seumur hidup. Pihak Diinsuranskan yang berumur enam belas (16) tahun dan ke atas tetapi di bawah umur lapan belas (18) tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.
- Anak Pihak Diinsuranskan yang masih berada di bawah tanggungan kewangannya mestilah berumur tiga puluh (30) hari hingga lapan belas (18) tahun atau sehingga dua puluh lima (25) tahun jika masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diliktiraf.

### 2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Polisi ini mempunyai empat (4) pelan dan jumlah diinsuranskan bergantung kepada pelan yang dipilih.

| Perkara | Faedah                                                                                                                                                                                                                                                                           | Pelan A (RM) | Pelan B (RM) | Pelan C (RM) | Pelan D (RM) |
|---------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| 1       | Kematian Akibat Kemalangan                                                                                                                                                                                                                                                       | 25,000       | 50,000       | 80,000       | 100,000      |
| 2       | Hilang Upaya Kekal                                                                                                                                                                                                                                                               | 25,000       | 50,000       | 80,000       | 100,000      |
| 3       | Perbelanjaan Pengebumian                                                                                                                                                                                                                                                         | 1,000        | 1,000        | 1,500        | 2,000        |
| 4       | Perbelanjaan Perubatan, Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Kosmetik dan/atau Fi Ambulans                                                                                                                                                                                        | 500          | 1,000        | 1,500        | 2,000        |
| 5       | Belian Peralatan Ortopedik                                                                                                                                                                                                                                                       | 300          | 400          | 500          | 600          |
| 6       | Pendapatan Hospital Harian (sehingga 100 hari setiap kemalangan)                                                                                                                                                                                                                 | 50           | 50           | 50           | 50           |
| 7       | Pendapatan Hospital Berganda semasa berada di Unit Rawatan Rapi (sehari, sehingga 100 hari setiap kemalangan)                                                                                                                                                                    | 100          | 100          | 100          | 100          |
| 8       | Indemniti 3x Ganda <ul style="list-style-type: none"> <li>ketika cuti umum seluruh Malaysia; atau</li> <li>ketika dalam perjalanan sebagai seorang penumpang berbayar di dalam sebarang jenis pengangkutan awam; atau</li> <li>ketika dalam perjalanan di Luar Negara</li> </ul> | 75,000       | 150,000      | 240,000      | 300,000      |

Tempoh perlindungan lazimnya adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk memperbaharui secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

**Liberty General Insurance Berhad** 197801007153 (44191-P)

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).



### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang perlu anda bayar berbeza bergantung pada pelan yang dipilih.

| Premium tahunan                                                              | Pelan A (RM) | Pelan B (RM) | Pelan C (RM) | Pelan D (RM) |
|------------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| Individu                                                                     | 58.00        | 105.00       | 158.00       | 195.00       |
| Individu & Pasangan Suami/Isteri                                             | 105.00       | 188.00       | 285.00       | 350.00       |
| Individu & Bilangan Anak yang Tidak Terhad                                   | 88.00        | 150.00       | 225.00       | 280.00       |
| Keluarga (Individu, Pasangan Suami/Isteri & Bilangan Anak yang Tidak Terhad) | 128.00       | 230.00       | 345.00       | 430.00       |

Nota: Premium tahunan yang tertera adalah sebelum Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan tidak termasuk RM10.00 Duti Setem.

### 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar ialah:

| Jenis                                                    | Jumlah                                                                      |
|----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| Cukai Perkhidmatan                                       | Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia |
| Duti setem                                               | RM10.00                                                                     |
| Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat | 25% daripada premium                                                        |

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- (i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Faedah perlu dibayar jika Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal berlaku dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
- (iii) Tunai Sebelum Perlindungan: Anda mesti membayar premium sebelum perlindungan di bawah Polisi ini berkuat kuasa.
- (iv) Pihak Diinsuranskan yang berumur enam belas (16) tahun dan ke atas tetapi di bawah umur lapan belas (18) tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga untuk membeli Polisi insurans ini.
- (v) Pada setiap pembaharuan tahunan Polisi Anda, Jumlah Pokok Diinsuranskan bagi Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) akan ditingkatkan sebanyak 10% setiap tahun sehingga maksimum 100% daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan pada permulaan Polisi dengan syarat:
  - a. tiada tuntutan telah dibuat di bawah Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) atau Faedah 8 (Indemniti 3x Ganda) semasa Tempoh Insurans pada tahun sebelumnya; dan
  - b. pembaharuan Polisi berterusan tanpa tempoh luput.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah membuat tuntutan di bawah Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) atau Faedah 8 (Indemniti 3x Ganda) di dalam Polisi ini, jumlah bonus pembaharuan yang terkumpul akan dilucutahkan dan pengiraan bagi bonus pembaharuan masa hadapan akan bermula semula daripada tarikh pembaharuan Polisi yang berikutnya.

### 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian yang disebabkan oleh kejadian berikut:

- Sebarang jenis sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit
- Sebarang kecacatan fizikal, mental atau uzur, sebarang jenis sawan yang sedia ada
- Semasa melakukan atau cubaan untuk melakukan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti ketika Orang Yang Diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol atau pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudarkan atau bahan yang memabukkan (kecuali ubat-ubatan yang diambil mengikut preskripsi dan arahan doktor)
- Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan pada diri sendiri oleh Orang Yang Diinsuranskan tidak kira kewarasannya fikirannya pada masa insiden berlaku atau ketidaksiuman
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dinamakan
- Semasa terlibat dalam pergaduhan atau demonstrasi
- Orang Yang Diinsuranskan melibatkan diri dalam luncur air, sebarang aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, sebarang perlumbaan selain daripada menggunakan kaki
- Pembunuhan atau serangan akibat daripada provokasi oleh Orang yang Diinsuranskan
- Jika Orang Yang Diinsuranskan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan, ini tidak akan dikuatkuasa sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan untuk memegang atau memperolehi lesen memandu di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang ada.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimana saya boleh berbuat demikian?**

Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh yang menjangkaui tarikh pembatalan, kadar jangka pendek kami yang lazim akan diguna pakai dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans.

Kadar jangka pendek yang lazim

| Tempoh Diinsuranskan Tidak Melebihi | Peratusan (%) Kadar Tahunan Yang Dikenakan | Peratusan (%) Pemulangan Premium Tahunan |
|-------------------------------------|--------------------------------------------|------------------------------------------|
| 1 bulan                             | 20                                         | 80                                       |
| 2 bulan                             | 30                                         | 70                                       |
| 3 bulan                             | 40                                         | 60                                       |
| 4 bulan                             | 50                                         | 50                                       |
| 5 bulan                             | 60                                         | 40                                       |
| 6 bulan                             | 70                                         | 30                                       |
| 7 bulan                             | 75                                         | 25                                       |
| 8 bulan                             | 80                                         | 20                                       |
| 9 bulan                             | 85                                         | 15                                       |
| 10 bulan                            | 90                                         | 10                                       |
| 11 bulan                            | 95                                         | 5                                        |
| Tempoh melebihi 11 bulan            | 100                                        | Tiada pemulangan                         |

**8. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan kepada maklumat perhubungan/peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan / profil kehidupan anda termasuk penamaan, pekerjaan dan kegiatan peribadi, yang mungkin mempengaruhi profil risiko anda.

**9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai ‘Insurans Kemalangan Diri’, yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Liberty General Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower,  
CT9, Pavilion Damansara Heights,  
3, Jalan Damanlela,  
Pusat Bandar Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

Talian Bebas Tol : 1 800 88 3833  
Emel : [customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)  
Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

**10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada**

- a) Kemalangan Diri Perfect 10 Plus
- b) PA Supreme

**NOTA PENTING:**

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenken dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 01/03/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.